



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**BUKU PANDUAN
PROSEDUR PERMOHONAN & TUNTUTAN
BAYARAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN
SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET 2021**

1.0 TUJUAN

Buku Panduan ini adalah bertujuan bagi menjelaskan kepada Penyedia Latihan Swasta (PLS) dan pelatih kemahiran mengenai prosedur permohonan dan tuntutan bayaran program latihan kemahiran seperti yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di bawah Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PERKASA TVET 2021).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan Malaysia mampu bersaing dan menjadi negara maju pada masa depan dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir negara dalam pelbagai sektor bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja luar dan mencapai negara berpendapatan tinggi.
- 2.2 Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menghasilkan tenaga kerja berkemahiran, pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu berasaskan keperluan industri akan dapat membantu Malaysia menuju ke arah menjadi negara maju dan inklusif.
- 2.3 Dalam mengharungi cabaran ekonomi yang semakin sukar akibat daripada penularan wabak Pandemik Virus Korona (COVID-19). Pelbagai sektor dan industri di seluruh negara telah terjejas secara langsung dan tidak langsung. Terdapat syarikat dan majikan yang terpaksa menghentikan operasi sepenuhnya atau sebahagiannya menyebabkan pekerja terjejas pendapatan mereka.
- 2.4 Menyedari situasi yang melanda negara, PTPK telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan skim pembiayaan PERKASA TVET 2021. Matlamat PERKASA TVET 2021 akan memberikan peluang pelatih mendapatkan kemahiran seterusnya menjurus kepada penjanaan pendapatan pada masa hadapan.

3.0 POLISI PEMBIAYAAN

- 3.1 Status petaulahan dan pendaftaran Penyedia Latihan/ Pusat Bertauih & program dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta PTPK masih sah dan lulus.
- 3.2 Yuran sebanyak 90 peratus (%) bagi setiap pelatih akan dibayar kepada Penyedia Latihan selepas dokumen permohonan berstatus **“PERJANJIAN LENGKAP”**.
- 3.3 Yuran susulan latihan 10 peratus (%) dengan memperolehi pekerjaan atau memulakan pekerjaan atau melanjutkan pengajian serta berdaftar sebagai peniaga di laman sesawang Jana'preneur (bagi pelatih yang mempunyai perniagaan sendiri/bekerja sendiri).

- 3.4 Kos Sara Hidup (KSH) akan dibayar kepada Pelatih selepas dokumen permohonan berstatus "**PERJANJIAN LENGKAP**".
- 3.5 Sekiranya tiada tuntutan daripada PLS selepas 6 bulan pelatih menamatkan latihan, PTPK tidak akan membayar dan kelulusan pembayaran adalah terbatal.

4.0 ELEMEN PEMBIAYAAN

Kadar pembiayaan mengikut kadar yuran semasa yang telah diluluskan oleh PTPK.

- 4.1 Elemen kadar pembiayaan adalah:

- a) Yuran Pengajian.
- b) KSH sehingga RM400.00 pada setiap bulan tuntutan.

- 4.2 Di bawah adalah kadar peratus yuran yang layak dituntut oleh PLS:

Status Permohonan Pelatih	Kadar Kelayakan Tuntutan Oleh PLS
Perjanjian Lengkap	Tuntutan 90 peratus (%) Yuran oleh PLS dan KSH dibayar setelah berstatus Perjanjian Lengkap.
Selepas pelatih tamat latihan dan memperolehi pekerjaan atau memulakan pekerjaan atau melanjutkan pengajian serta berdaftar sebagai peniaga di laman sesawang Jana'preneur (bagi pelatih yang mempunyai perniagaan sendiri/bekerja sendiri).	Tuntutan 10 peratus (%) Yuran susulan oleh PLS.

- 4.3 Yuran pengajian akan dibayar kepada PLS berdasarkan tatacara pembayaran semasa yang berkuat kuasa.
- 4.4 PLS perlu mengembalikan yuran yang tidak layak diterima sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan atas sebab yang tidak munasabah.

5.0 KRITERIA KELAYAKAN PELATIH

- 5.1 PLS boleh memohon untuk skim pembiayaan PERKASA TVET 2021 bagi pelatihnya:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur 15 hingga 55 tahun pada tahun permohonan;
 - c) Pelatih menjalani latihan kemahiran di PLS yang menjalankan Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM) dan diluluskan oleh PTPK;

- d) Pelatih bukanlah daripada pelajar sekolah atau pelajar Universiti yang masih menuntut atau sedang menjalani latihan industri dalam tempoh latihan;
- e) Pelatih tidak menerima pembiayaan / geran latihan daripada mana-mana institusi kewangan lain bagi program yang sama semasa permohonan ini dibuat;
- f) Pelatih tidak mempunyai sebarang tunggakan dalam pinjaman PTPK terdahulu atau telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPK;
- g) Pelatih hanya boleh menjalani satu pembiayaan latihan kemahiran skim pembiayaan Perkasa TVET pada satu-satu masa; dan
- h) Pembiayaan layak diberikan kepada pelatih sekali sahaja bagi setiap Skim sama.
- i) Kriteria pelatih terdiri daripada kategori berikut:
 - i. Keutamaan bagi peminjam PTPK yang terjejas dengan Pandemik Covid 19; atau
 - ii. Pelajar lepasan sekolah atau pelajar lepasan institut pengajian tinggi; atau
 - iii. Individu yang mempunyai perniagaan sendiri / bekerja sendiri yang terjejas pendapatan; atau
 - iv. Pekerja yang terjejas pendapatan akibat pandemik Covid 19; atau
 - v. Pekerja memerlukan kemahiran baru.

* Syarat-syarat adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

- 5.2 Program latihan kemahiran jangka pendek (kurang daripada 12 bulan) termasuk program pentauliahan penuh atau secara *modular* atau Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) atau mana-mana program yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). PLS juga digalakkan untuk menawarkan kursus latihan secara 'added value' bagi menambah nilai program ini.
- 5.3 Program boleh dilaksanakan secara hibrid di mana pembelajaran adalah secara kombinasi iaitu secara bersemuka (dalam kelas) dan juga secara dalam talian (*virtual*) selagi mematuhi pentauliahan JPK.

6.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan Pembiayaan hendaklah dibuat oleh PLS secara dalam talian di laman sesawang PTPK (<http://www.ptpk.gov.my>) melalui portal Penyedia Latihan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelatih memulakan latihan yang telah didaftarkan di JPK.
- 6.2 Setelah permohonan secara dalam talian diluluskan oleh PTPK, PLS perlu memuat turun dan mencetak surat tawaran pelatih, borang permohonan dan borang perjanjian daripada portal penyedia latihan.
- 6.3 PLS perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti di dalam Senarai Semak. Rujuk **Lampiran 1** (PTPK/PERKASA TVET/2021/01-1).

- 6.4 Mengisi Borang Permohonan. Rujuk **Lampiran 2** (Borang Permohonan (PTPK/PERKASA TVET/2021/02-1)).
- 6.5 Mengemukakan Surat Tawaran (Lampiran A) Ditandatangani Pelatih dan Pengurus PLS. Rujuk **Lampiran 3** (Contoh Surat Tawaran (PTPK/PERKASA TVET/2021/03-1)).
- 6.6 Mengisi dua (2) salinan Surat Perjanjian dengan PTPK. Rujuk **Lampiran 4** (Borang Perjanjian (PTPK/PERKASA TVET/2021/04-1)).
- 6.7 Mengisi Borang Kebenaran/ Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan. Rujuk **Lampiran 5** (Borang Kebenaran/ Keizinan (PTPK/PERKASA TVET/2021/05)).
- 6.8 PLS perlu menghantar borang permohonan, surat perjanjian dan dokumen sokongan tidak melebihi 60 hari bekerja daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan oleh PTPK.

7.0 PENOLAKAN PERMOHONAN

Permohonan PERKASA TVET 2021 boleh ditolak atau dibatalkan atas mana-mana atau semua alasan seperti berikut :

- a) Penolakan di peringkat permohonan dalam talian:
 - Maklumat tidak lengkap diisi secara atas talian;
 - Permohonan dalam talian melebihi 60 hari daripada tarikh pelatih memulakan latihan; dan
 - Mana-mana alasan yang difikirkan munasabah oleh PTPK.
- b) Penolakan di peringkat penerimaan dokumen:
 - Pemohon yang memberikan apa-apa maklumat palsu, menyembunyikan apa-apa fakta atau memberikan maklumat yang mengelirukan;
 - Gagal mengemukakan dokumen lengkap dalam tempoh **enam puluh (60) hari bekerja** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
 - Pemohon gagal mematuhi terma, syarat kelulusan permohonan; dan
 - Mana-mana alasan yang difikirkan munasabah oleh PTPK.

8.0 TATACARA PENGISIAN SURAT PERJANJIAN

- 8.1 Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PERKASA TVET 2021) perlu dicetak **sebanyak dua salinan** bagi setiap pelatih.
- 8.2 Tatacara mengisi dan melengkapkan Perjanjian:
 - a) **Dakwat yang perlu digunakan**
 - Menggunakan **pen dakwat hitam**.

b) **Cukai Setem**

- Perjanjian hendaklah dimatikan / diremitkan dengan **setem hasil** pada setiap salinan Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PERKASA TVET 2021) oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau Jabatan-jabatan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- Perjanjian hendaklah dimatikan / diremitkan setem **pada atau selepas** tarikh surat tawaran dikeluarkan.

c) **Tandatangan**

- Pelatih serta saksi hendaklah menurunkan tandatangan di ruang yang disediakan.
- Pelatih hendaklah menurunkan tandatangan ringkas pada **sudut bawah sebelah kanan** di setiap helaian muka surat pada Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PERKASA TVET 2021).

d) **Kesilapan pengisian maklumat**

- Pelatih hendaklah **memotong dengan satu garisan** (*tidak boleh menggunakan pemadam cecair*) dan menurunkan tandatangan ringkas. Maklumat nombor kad pengenalan tidak boleh dipinda.
- Jika didapati kotor atau rosak, pelatih akan diminta mengisi Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PERKASA TVET 2021) yang baru dan sekiranya cukai setem telah dimatikan / diremitkan maka pelatih perlu mendapatkan cukai setem yang baru dan kos hendaklah ditanggung oleh pelatih sendiri.

8.3 Syarat-syarat saksi untuk Perjanjian

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Hendaklah benar-benar menyaksikan pelatih menurunkan tandatangan pada perjanjian;
- c) Hendaklah menurunkan cap rasmi yang tertera nama, jawatan dan jabatan; dan
- d) Individu yang layak menjadi saksi adalah seperti berikut:
 - Wakil Rakyat, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Jaksa Pendamai, Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas, Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum / Mukim yang bertauliah tempat pelatih bermastautin atau Pengurus Pusat Bertauliahan / Pengurus Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PTPK.
 - **Majistret / Notari Awam / Pesuruhjaya Sumpah tidak dibenarkan** menjadi saksi kepada pelatih.

9.0 PENGESAHAN SALINAN DOKUMEN

Salinan dokumen perlu disahkan oleh Pegawai yang layak mengesahkan dokumen seperti berikut:

- Wakil Rakyat, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Jaksa Pendamai, Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas, Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum / Mukim yang bertauliah tempat pelatih bermastautin atau Pengurus Pusat Bertauliah / Pengurus Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PTPK.
- Majistret / Notari Awam / Pesuruhjaya Sumpah dibenarkan mengesahkan salinan dokumen sokongan.

10.0 PROSEDUR PEMBAYARAN

10.1 PEMBAYARAN YURAN

Pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada situasi berikut:

- a) Yuran sebanyak 90 peratus (%) bagi setiap pelatih dibuat selepas dokumen permohonan pembiayaan pelatih berstatus “Perjanjian Lengkap”; dan
- b) Tuntutan bayaran yuran susulan oleh PLS sebanyak 10 peratus (%) boleh dibuat selepas pelatih menamatkan latihan dan mendapat pekerjaan / memulakan perniagaan / melanjutkan pengajian serta berdaftar sebagai peniaga di laman sesawang Jana'preneur (bagi pelatih yang mempunyai perniagaan sendiri/bekerja sendiri).

10.2 BAYARAN KOS SARA HIDUP (KSH)

- a) Bayaran KSH dibuat secara bulanan selepas dokumen permohonan pembiayaan pelatih berstatus “Perjanjian Lengkap”.

10.3 DOKUMEN TUNTUTAN BAYARAN YURAN SUSULAN 10 PERATUS (%)

Tuntutan Bayaran Wang tahanan 10% dibuat selepas pelatih menamatkan latihan. Dokumen tuntutan yang perlu dikemukakan seperti berikut:

- a) Surat tuntutan daripada PLS (menggunakan Kepala Surat (*Letterhead*), disahkan dan dicap rasmi oleh PL);
- b) Salinan sijil SKM atau Borang Pendaftaran dan Pengeluaran Sijil (JPK/T1003);

- c) Bagi pelatih yang memulakan perniagaan, bukti pendaftaran portal Jana'preneur perlulah dikemukakan (<https://www.janapreneur.com.my/>);
 - d) Pembayaran Yuran akan dibuat terus ke akaun bank PLS dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran 5** (Borang Kebenaran/Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan (PTPK/PERKASA TVET/2021/05)).
 - e) Borang tuntutan Yuran Susulan yang ditandatangani oleh Pengurus Penyedia Latihan PLS. Rujuk **Lampiran 6** (Borang Tuntutan Yuran Susulan 10 peratus (%)) (PTPK/PERKASA TVET/2021/06));
 - f) Laporan pemantauan keberkesanan kursus selepas tamat latihan. Rujuk **Lampiran 7** (Laporan Keberkesanan Kursus Pelatih Selepas Tamat Latihan (PTPK/PERKASA TVET/2021/07)); dan
 - g) Ringkasan Laporan pemantauan keberkesanan kursus selepas tamat latihan. Rujuk **Lampiran 8** (Ringkasan Laporan Pemantauan Keberkesanan Kursus Pelatih (PTPK/PERKASA TVET/2021/08)).
- 10.4 Pembayaran Yuran akan dibuat terus ke akaun bank PLS dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran 5** (Borang Kebenaran/Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan (PTPK/PERKASA TVET/2021/05)).
- 10.5 Pembayaran KSH akan dibuat melalui akaun simpanan bank CIMB pelatih.

11.0 PEMBATALAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN

Pembatalan pinjaman boleh dilakukan sekiranya mendapat permohonan atau tidak daripada peminjam, wakil peminjam / pewaris atau penyedia latihan seperti di **Lampiran 9** (Borang Pembatalan / Batal Baki (PTPK/BPPLP/BATAL-001)).

- i. Kriteria Pembatalan Permohonan Pinjaman (Sebelum Pembayaran pinjaman dilakukan).
 - a) Pelatih menarik diri sebelum pembayaran pinjaman dilakukan.
 - b) Peminjam meninggal dunia sebelum pembayaran pinjaman dibuat.
 - c) Peminjam telah mendapat pembiayaan daripada mana-mana institusi / agensi pembiayaan.
 - d) Peminjam dikenakan tindakan tatatertib / undang –undang seperti terlibat dengan jenayah.
 - e) PTPK berhak membatalkan pinjaman tanpa sebarang notis pemakluman yang difikirkan munasabah.
 - f) Peminjam muflis dalam tempoh pengajian.
 - g) Peminjam tidak waras /gila.

- ii. Kriteria Pembatalan Baki Pinjaman
 - a) Peminjam telah meninggal dunia dalam tempoh latihan.
 - b) Peminjam telah mendapat pembiayaan daripada mana-mana institusi / agensi pembiayaan.
 - c) Peminjam berhenti latihan sebelum tempoh tamat latihan.
 - d) Peminjam dikenakan tindakan tatatertib. / undang –undang seperti terlibat dengan jenayah.

12.0 PENALTI

Pelatih diwajibkan untuk menamatkan latihan yang diikuti dan sekiranya gagal, pelatih perlu membayar ganti rugi kepada PTPK sejumlah wang tidak melebihi RM5,000.00 kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah seperti kematian / kecacatan kekal, menyambung pengajian, mendapat pekerjaan atau apa-apa sahaja alasan yang munasabah. Rayuan penalti akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penalti.

13.0 PROSEDUR PEMANTAUAN

Pemantauan akan dijalankan PTPK sekiranya perlu.

14.0 LAMPIRAN

Senarai dokumen yang digunakan dalam prosedur permohonan dan prosedur pembayaran pelatih di bawah PERKASA TVET 2021:

- 14.1 **Lampiran 1** – Senarai Semak Dokumen Permohonan (PTPK/PERKASA TVET/2021/01-1).
- 14.2 **Lampiran 2** – Borang Permohonan (PTPK/PERKASA TVET/2021/02-1).
- 14.3 **Lampiran 3** – Contoh Surat Tawaran (PTPK/PERKASA TVET/2021/03-1).
- 14.4 **Lampiran 4** – Contoh Borang Perjanjian (PTPK/PERKASA TVET/2021/04-1).
- 14.5 **Lampiran 5** – Borang Kebenaran/ Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan (PTPK/PERKASA TVET/2021/05).
- 14.6 **Lampiran 6** – Borang Tuntutan Yuran Susulan 10 Peratus (%) (PTPK/PERKASA TVET/2021/06).
- 14.7 **Lampiran 7** – Laporan Keberkesanan Kursus Pelatih Selepas Tamat Latihan (PTPK/PERKASA TVET/2021/07).
- 14.8 **Lampiran 8** – Ringkasan Laporan Pemantauan Keberkesanan Kursus Pelatih (PTPK/PERKASA TVET/2021/08).
- 14.9 **Lampiran 9** – Borang Pembatalan / Batal Baki (PTPK/BPPLP/BATAL-001).

15.0 KUASA PERBADANAN

Perbadanan boleh pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan pendaftaran penyedia latihan kemahiran jika penyedia latihan melanggar

mana-mana peruntukan di dalam Akta tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

16.0 KUASA KETUA EKSEKUTIF UNTUK MENGEQUALIKAN

Ketua Eksekutif boleh untuk mengequalikan, meminda dan membatalkan apa-apa peruntukan mengikut budi bicara yang dibuat di bawah Buku Panduan ini

17.0 TARIKH KUAT KUASA / RUJUKAN

Buku panduan dan prosedur tuntutan bayaran ini hendaklah diguna pakai oleh PTPK / PLS **berkuat kuasa mula September 2022** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan pekeliling lain yang berkaitan yang masih berkuat kuasa.

18.0 TEMPAT RUJUKAN

Sekiranya terdapat pertanyaan dalam pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PERKASA TVET 2021), sila berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan melalui e-mel pegawaiibpl@ptpk.gov.my.

Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan
Perbadanan Tabung pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 1

Senarai Semak Dokumen Permohonan

PTPK/PERKASA TVET/2022/01-1

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN
PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET 2021**

NAMA PELATIH	:			
NO. K.P. PELATIH	:	NO. FAIL:		
KOD DAN NAMA PENYEDIA LATIHAN	:			
* Sila tandakan (✓) di ruang yang berkenaan dan susun mengikut susunan seperti di senarai			PL	PTPK
DOKUMEN PELATIH				
1.	Borang Permohonan Program Latihan Kemahiran Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PTPK/PERKASA TVET/2022/02-1)			
2.	Satu (1) Salinan Kad Pengenalan .			
3.	Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima Pembiayaan (Lampiran A) yang telah ditandatangani oleh Pelatih dan Pengurus Penyedia Latihan (PTPK/PERKASA TVET/2022/03-1)			
4.	Surat Tawaran Kemasukan ke Penyedia Latihan (PL) (Perlu ada Struktur Yuran & Program Latihan)			
5.	Satu (1) Salinan Borang Pengesahan Pendaftaran Calon PKM (JPK/T1002) bagi TAHAP SEMASA atau Satu (1) salinan Resit Rasmi Bayaran Pendaftaran – PKM atau slip penugasan atau slip pendaftaran calon PPT			
6.	Satu (1) Salinan 'Saving Account Information Inquiry' CIMB Bank/ Penyata Bank/ Slip Transaksi (Pastikan akaun bank masih aktif).			
7.	Satu (1) salinan Sijil SKM atau Salinan Borang Pendaftaran.			
8.	Satu (1) salinan penyata gaji atau Akuan Berkanun bagi calon pelatih yang sedang bekerja			
9.	Salinan Surat Kebenaran Bayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Penyedia Latihan (PTPK/PERKASA TVET/2021/05)			
SURAT PERJANJIAN PEMBIAYAAN				
10.	Dua (2) Salinan Asal Surat Perjanjian Program Latihan Kemahiran Pembiayaan PERKASA TVET yang telah diremitkan setem serta dicetak. (PTPK/PERKASA TVET/2021/04-1)			
TERIMA DOKUMEN		BILIK SISIH TERIMA	TERIMA FAIL	
Nama : Tarikh:		Nama : Tarikh:	Nama : Tarikh:	
UNTUK DIISI OLEH PEGAWAI / KAKITANGAN PTPK SAHAJA				
TERIMA DOKUMEN / TOLAK DOKUMEN				
SEBAB KUIRI	:			Penjemak Tarikh:



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 2

Borang Permohonan



BORANG PERMOHONAN
PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET 2021
(Sila baca syarat permohonan dan arahan dengan teliti sebelum mengisi borang ini)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur di antara 15 hingga 55 tahun pada tahun permohonan.
3. Mengikuti program latihan Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM).
4. Mengikuti latihan di Penyedia Latihan yang diluluskan oleh Perbadanan.
5. Program latihan dijalankan secara jangka pendek atau “Modular” atau “Customized” atau Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT).
6. Tempoh latihan tidak melebihi dua belas bulan (12) bulan dan latihan hendaklah bermula pada tahun 2021.
7. Telah disahkan berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk menjalani latihan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
8. Pelatih tidak mempunyai sebarang tunggakan dalam pinjaman PTPK terdahulu atau telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPK;
9. Tidak mendapat mana-mana pembiayaan / bantuan kewangan dalam bentuk geran atau daripada mana-mana institusi kewangan semasa mengikuti latihan
10. Pelatih terdiri daripada pelajar lepasan sekolah atau lepasan institut pengajian tinggi.
11. Pelatih yang mempunyai perniagaan sendiri / bekerja sendiri / digajikan pekerjaan yang terkesan dengan pandemik Covid 19.

ARAHAN

Lampirkan satu salinan dokumen berikut bersama-sama borang permohonan ini dan tandakan (✓) dalam kotak berkenaan

- i. Salinan Kad Pengenalan Pemohon.
- ii. Surat Tawaran Pembiayaan (Lampiran A) yang telah ditandatangani oleh pelatih dan Penyedia Latihan.
- iii. Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke Penyedia Latihan yang mengandungi struktur Yuran dan Program Latihan
- iv. Salinan Pendaftaran Calon SKM (JPK/T1002) dan Resit Pembayaran
- v. Salinan ‘Saving Account Information Inquiry’ CIMB Islamik Bank (Pastikan akaun pemohon aktif dan disahkan oleh pegawai CIMB Bank).
- vi. Salinan Penyata Pendapatan bulanan atau Akaun Berkanun..
- vii. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Penyedia Latihan masing-masing kepada Perbadanan

MAKLUMAN

1. Jumlah pembiayaan mengikut program / kursus dan tahap latihan kemahiran yang diikuti di Penyedia Latihan.
2. Perbadanan tidak akan memproses mana-mana permohonan yang tidak lengkap.
3. Pastikan semua dokumen yang diminta disertakan bersama-sama permohonan ini. Sila semak senarai semak sebelum menghantar permohonan.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMOHON

1.	Nama Penuh Pemohon: <i>(mengikut kad pengenalan)</i>						
2.	No. Kad Pengenalan:						
3.	Alamat Tetap: <i>(termasuk poskod)</i>						
4.	Alamat Surat-menyurat: <i>(termasuk poskod)</i>						
5.	No. Telefon Rumah:		6. No. Telefon Bimbit:		7. E-mel:		
8.	Tarikh Lahir: [] hari [] bulan [] tahun		9. Jantina: (tandakan)		10. Warganegara: (tandakan)	[] Ya	[] Tidak
11.	Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)		12. Bekerja: [] Ya	[] Tidak	13. No. KWSP:		
14.	Pekerjaan:				15. Pendapatan Bulanan (RM):		
16.	Nama Majikan:				17. No. Telefon Majikan:		
18.	Alamat Majikan: <i>(termasuk poskod)</i>				19. E-mel:		

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN DAN PROGRAM LATIHAN (diisi oleh Penyedia Latihan)

1.	Nama Penyedia Latihan						
2.	Kod Penyedia Latihan:						
3.	Program Latihan Yang Dipohon Pembiayaan:						
Kod Kemahiran	Nama Program Latihan	Tahap Latihan	Mula Latihan	Tamat Latihan	Yuran Latihan	Kos Sara Hidup	Jumlah Pembiayaan
					RM	RM	RM
					RM	RM	RM
					RM	RM	RM
	Jumlah				RM	RM	RM

BAHAGIAN C: MAKLUMAT KELUARGA PELATIH

1.	Nama Ibu / Bapa / Pasangan / Penjaga:						
2.	No. Kad Pengenalan:						
3.	No. Telefon:		4. Warganegara:		5. Pertalian dengan pelatih:		
6.	Alamat Tetap: <i>(termasuk poskod)</i>						
7.	Pekerjaan:				8. Pendapatan Bulanan (RM):		
9.	Nama Majikan:				10. No. Telefon Majikan:		
11.	Alamat Majikan: <i>(termasuk poskod)</i>				12. E-mel:		

BAHAGIAN D: PENGAKUAN PEMOHON

Saya dengan sesungguh dan sebenarnya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 74 di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

Tarikh :

.....
Tandatangan Pemohon

BAHAGIAN E: PENGESAHAN PENYEDIA LATIHAN

Dengan ini disahkan bahawa semua butiran latihan di Bahagian B adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan, Penyedia Latihan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 73 dan Seksyen 74 di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

Tandatangan : _____
Nama Pengarah Urusan / Pengurus Penyedia Latihan : _____

Tarikh : _____

_____ Cap Penyedia Latihan

Sila kembalikan borang permohonan yang telah dilengkapkan kepada alamat seperti berikut:

Ketua Eksekutif,
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN,
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
ARAS 11, 12C, 15,16,17,18,19 DAN 27,
MENARA DATO' ONN,
PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (KLWTC),
NO 45. JALAN TUN ISMAIL,
50530 W.P. KUALA LUMPUR.

No. Tel : 03 - 4047 6200
No. Faks : 03 - 4047 6142
E-Mel : skillsfund@ptpk.gov.my



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 3

Contoh Surat Tawaran

PTPK/PERKASA TVET/2021/03-1



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 11, 12C, 15,16,17,18,19 DAN 27, MENARA DATO' ONN
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)
NO 45. JALAN TUN ISMAIL
50530 W.P. KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 4047 6200
Faks : 03 - 4047 6142
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : http://www.ptpk.gov.my

PERKASA/21/XXXXX



Ruj. Kami : PTPK/PERKASA/21/XXXXXX-14-XXXXX/XXXX/(12/1)
Tarikh : 04-Feb-2021

Nama : **BRANDON ANAK MALIN**
No. Kad Pengenalan : **XXXXXX-14-XXXX**
Alamat : **LOT XXX TAMAN CANTEK OFF TAMAN TUKU
8050 MIRI,
SARAWAK**

Tuan/ Puan,

SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET 2021

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 untuk mengikuti latihan kemahiran seperti berikut;

- i. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan : **RM9,400.00**
 - a) Yuran Latihan : **RM7,000.00**
 - b) Kos Sara Hidup : **RM2,400.00**
- ii. Tempoh latihan : Dari **04-FEB-2021** hingga **03-Ogos-2021**
- iii. Nama Program : **RB-081-3-2012**
PENYELIAAN DAN OPERASI PENANAMAN KELAPA SAWIT
- iv. Tahap Kemahiran : **Sijil Kemahiran Malaysia**
- v. Nama Penyedia Latihan : **PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN SARAWAK - SAVTI
KM48, MIRI-BINTULU ROAD KABULOH P.O.BOX 1022
BOULEVARD POST OFFICE 98000, MIRI, SARAWAK**

2. TANGGUNGJAWAB PELATIH

- 2.1 Sekiranya tuan / puan menerima tawaran ini, tuan / puan adalah bertanggungjawab untuk:
- i. tidak menukar atau menangguhkan atau meninggalkan latihan kemahiran seperti yang ditawarkan oleh Penyedia Latihan tanpa mendapat kebenaran PTPK; dan
 - ii. memaklumkan kepada PTPK sekiranya tuan/ puan terhalang daripada meneruskan latihan disebabkan oleh penyedia latihan telah menutup operasi atau muflis atau mengalami kebakaran atau banjir dan sebagainya.

3. HAK PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

- 3.1 Jumlah pembiayaan Kos Sara Hidup (KSH) akan dikreditkan terus ke dalam akaun tuan/ puan. Manakala yuran latihan akan dibayar secara terus ke akaun Penyedia Latihan.
- 3.2 Pembiayaan KSH dan Yuran akan dibuat pembayaran selepas perjanjian yang lengkap diterima oleh PTPK.
- 3.3 PTPK berhak menamatkan Perjanjian Pembiayaan Latihan Kemahiran mengikut Fasal 6, Perjanjian Pembiayaan Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 pada bila-bila masa

tanpa memberi apa-apa sebab dengan satu (1) bulan notis;

- 3.4 Tuan / Puan diwajibkan untuk mengikuti latihan yang dipohon sehingga tamat latihan. Sekiranya gagal, tuan/puan perlu membayar penalti kepada Kerajaan (PTPK) dengan sejumlah wang tidak melebihi lima ribu ringgit (RM5,000.00) kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah yang ditetapkan oleh PTPK.

4. PENERIMAAN TAWARAN PEMBIAYAAN

- 4.1 Sekiranya tuan / puan bersetuju dengan syarat tawaran di atas dan menerima tawaran ini, sila tandatangani Surat Setuju Terima Pembiayaan **Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021** seperti di **Lampiran 'A'** dan kembalikan ke PTPK bersama-sama dokumen-dokumen seperti di **Lampiran 'B'** dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh surat ini dikeluarkan. Sekiranya PTPK tidak menerima kembali **Lampiran 'A'** dan dokumen-dokumen di **Lampiran 'B'** di dalam tempoh yang ditetapkan, PTPK menganggap tuan/ puan menolak tawaran dan tawaran ini akan terbatal dengan sendirinya.
- 4.2 Surat Tawaran dan Penerimaan Tawaran Pembiayaan ini dibaca bersekali dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pembiayaan **Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021**.
- 4.3 Walau apa pun peruntukan di dalam surat ini, PTPK berhak meminda syarat-syarat dan terma yang ditetapkan pada bila-bila masa berdasarkan keperluan tertentu dan tuan/ puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. PTPK juga berhak menarik balik tawaran ini tanpa perlu memberi sebarang alasan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”

(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)
KETUA EKSEKUTIF
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan

Lampiran A

PERKASA/21/XXXXX



Ruj. Kami : PTPK/PERKASA/21/XXXXXX-14-XXXXX/XXXXX/(12/1)
Tarikh : 04-Feb-2021

Nama : BRANDON ANAK MALIN
No. Kad Pengenalan : XXXXXX-14-XXXX
Alamat : LOT XXX TAMAN CANTEK OFF TAMAN TUKU
8050 MIRI,
SARAWAK

KETUA EKSEKUTIF
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 11, 12C, 15,16,17,18,19 DAN 27, MENARA DATO' ONN
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)
NO 45. JALAN TUN ISMAIL
50530 W.P. KUALA LUMPUR

Tuan,
**SURAT SETUJU TERIMA PEMBIAYAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET
2021**

Saya * bersetuju / tidak bersetuju menerima Tawaran Pembiayaan **Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021** seperti perincian berikut:

- i. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan : **RM9,400.00**
 - a) Yuran Latihan : **RM7,000.00**
 - b) Kos Sara Hidup : **RM2,400.00**
 - ii. Tempoh latihan : Dari **04-FEB-2021** hingga **03-Ogos-2021**
 - iii. Nama Program : **RB-081-3-2012**
PENYELIAAN DAN OPERASI PENANAMAN KELAPA SAWIT
 - iv. Tahap Kemahiran : **Sijil Kemahiran Malaysia**
 - v. Nama Penyedia Latihan : **PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN SARAWAK - SAVTI**
KM48, MIRI-BINTULU ROAD KABULOH P.O.BOX 1022
BOULEVARD POST OFFICE 98000, MIRI, SARAWAK
-
- 2. Dengan itu saya membenarkan PTPK untuk membayar Kos Sara Hidup saya ke akaun bernombor di bank dan saya membenarkan yuran latihan dibayar secara terus ke akaun Penyedia Latihan selepas Perjanjian Pembiayaan **Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021** disempurnakan;
 - 3. Bersama-sama ini saya kemukakan dokumen-dokumen sokongan yang telah disempurnakan seperti senarai di **Lampiran 'B'**.
 - 4. Saya berjanji dan mengaku akan mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh PTPK dari semasa ke semasa berkaitan **Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021** ini.
 - 5. Maklumat di atas telah disemak dan diakui betul. Saya mengikuti program latihan di atas dan bersetuju bayaran pembiayaan dibuat mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui dan ditetapkan oleh PTPK

Tandatangan Pelatih

Nama : **BRANDON ANAK MALIN**
K.P. : **XXXXXX-14-XXXX**
Tarikh :
No. Tel. :

Tindakan Pengurus Penyedia Latihan

6. Maklumat di atas telah disemak dan diakui betul. Adalah betul bahawa pelatih mengikuti latihan kemahiran di Penyedia Latihan ini dan caj yuran dikenakan kepada pelatih adalah seperti yang tertera di atas. Disahkan pelatih seperti perincian di atas menjalani latihan di penyedia latihan saya.
7. Bagi tujuan pembayaran, saya adalah bertanggungjawab untuk memastikan pelatih masih menjalani latihan semasa pembayaran dibuat dan saya akan memaklumkan kepada PTPK sekiranya sebaliknya. Jika pelatih telah berhenti semasa pembayaran pembiayaan dibuat adalah menjadi tanggungjawab penyedia latihan ini untuk memulangkan semula kepada PTPK jumlah yuran pengajian yang telah dikreditkan ke dalam akaun penyedia latihan bagi pelatih tersebut.

Tandatangan Pengurus Penyedia Latihan



Cap Penyedia Latihan

Nama : **BRANDON ANAK MALIN**
K.P. : **XXXXXX-14-XXXX**
Tarikh :
No. Tel. :

Lampiran 'B'

SENARAI DOKUMEN PERJANJIAN

- i. Borang Permohonan Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PTPK/PERKASA TVET/2021/02-1);
- ii. Satu (1) salinan Kad Pengenalan Pelatih;
- iii. Satu (1) Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima Pembiayaan (Lampiran A) yang telah ditandatangani oleh Pelatih dan Pengurus Penyedia Latihan (PTPK/PERKASA TVET/2021/03-1)
- iv. Satu (1) Surat Tawaran Kemasukan ke Penyedia Latihan (PL) (Perlu ada Struktur Yuran & Program Latihan);
- v. Satu (1) Salinan Borang Pengesahan Pendaftaran Calon SKM (JPK/T1002) bagi TAHAP SEMASA dan Satu (1) salinan Resit Rasmi Bayaran Pendaftaran – SKM; atau slip penugasan atau slip pendaftaran calon PPT
- vi. Satu (1) salinan Maklumat Akaun Simpanan Pelanggan CIMB Bank "Saving Account Information Inquiry".
- vii. Satu (1) Salinan Sijil SKM terdahulu atau Borang Pendaftaran dan Pengeluaran Sijil SKM (JPK/T1003) bagi PENINGKATAN TAHAP;
- viii. Satu (1) Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sekiranya pelatih mempunyai perniagaan sendiri/ bekerja sendiri.
- ix. Dua (2) salinan surat Perjanjian Pembiayaan Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2021 (PTPK/PERKASA TVET/2021/04-1);



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 4

Contoh Borang Perjanjian

PTPK/PERKASA TVET/2021/04-1

PERKASA/21/XXXXX



PERJANJIAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET

PERJANJIANINI dibuat pada hari bulan tahun

ANTARA BRANDON DYLN ANAK MALINA Nombor Kad Pengenalan (XXXXXX-14-XXX) yang beralamat di LOT XXX TAMAN CANTEK OFF TAMAN TUKU ,98050 MIRI SARAWAK (kemudian daripada ini disebut PELATIH) sebagai pihak pertama **DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN** (kemudian daripada ini disebut PERBADANAN) sebagai pihak kedua.

BAHAWASANYA PERBADANAN telah bersetuju untuk memberikan pembiayaan kepada PELATIH tertakluk kepada sarat-sarat yang terkandung di dalam PERJANJIAN ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI :

1. PELATIH, dengan ini bersetuju-
 - (a) bahawa ia, semasa membuat permohonan pembiayaan ini telah memberikan pernyataan atau maklumat atau fakta yang benar mengenai diri sendiri dan maklumat lain yang diperlukan oleh PERBADANAN;
 - (b) bahawa ia akan memasuki dan meneruskan kursus latihan dan memasuki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan dalam kursusnya di penyedia latihan sebagaimana yang diluluskan oleh PERBADANAN untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Sijil yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau yang ditetapkan oleh PERBADANAN seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan yang disebutkan di Fasal 8 Perjanjian ini dan bahawa ia akan menyempurnakan kursus latihan yang tersebut itu dalam masa yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Pembiayaan atau dalam sesuatu masa yang lebih lama lagi sebagaimana yang diluluskan oleh PERBADANAN;
 - (c) bahawa ia, semasa dalam tempoh kursus latihannya, akan menurut apa-apa peraturan dan tataatertib sebagaimana yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa di penyedia latihan yang ia dikehendaki menghadirinya atau di lain-lain tempat di bawah arahan penyedia latihan tersebut di mana kursus latihan itu atau mana-mana bahagiannya mungkin dijalankan;
 - (d) bahawa ia, apabila telah menyempurnakan kursus di dalam tempoh yang ditetapkan, hendaklah bekerja di tempat yang disediakan oleh penyedia latihan melalui kerjasama yang diatur antara penyedia latihan dengan pihak majikan/industri .
 2. Sebagai balasan bagi hal tersebut di atas PERBADANAN dengan ini bersetuju bahawa ia akan membayar kepada PELATIH amaun yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Pembiayaan kepada Perjanjian ini mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut kepada PELATIH seperti berikut:

Bil	Perkara	Butir-butir Tawaran Pembentangan
1	Rujukan Surat Tawaran	PTPK/PERKASA/21/XXXXXX-14-XXXX/XXXXX/(12/1)
2	Jumlah Pembentangan	RM 9,400.00 (Ringgit Malaysia: TUJUH RIBU SAHAJA)
3	Kursus	RB-081-3-2012
4	Tahap Kemahiran	SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA
5	Penyedia Latihan	PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN SARAWAK - SAVTI - 971793-T

3. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa semasa dalam masa tempoh kursus latihan, PELATIH-
 - (a) adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang di kuat kuasa dan diguna pakai oleh PERBADANAN;
 - (b) tidak boleh melakukan perbuatan salah-laku dalam apa cara juar pun yang pada pendapat PERBADANAN mungkin menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Kerajaan;
 - (c) tidak boleh menukarkan kursus latihannya tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada PERBADANAN;
 - (d) tidak mendapat pembiayaan dari mana-mana agensi lain;
 - (e) tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh PERBADANAN tidak selaras dengan kepentingan PELATIH atau kepentingan Kerajaan dan apabila PELATIH diberitahu oleh PERBADANAN bahawa apa-apa kegiatan yang ia mengambil bahagian itu tidak wajar diikuti, PELATIH hendaklah berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;
 - (f) tidak boleh menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu adalah, pada pendapat PERBADANAN boleh difasirkan sebagai corak politik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari PERBADANAN dan PERBADANAN, mengikut budi bicara mutlaknya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.
4. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa PELATIH tidak boleh pada bila-bila masa dalam masa berjalan kuat kuasanya Perjanjian ini, iaitu dalam masa tempoh kursus latihan;
 - (a) mengambil apa juar bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang, pada pendapat PERBADANAN adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan atau sesuatu penyedia latihan;
 - (b) menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara atau mengambil apa juar bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat PERBADANAN, adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan atau sesuatu penyedia latihan;
 - (c) menyediakan, mencetak, membahagi-bahagi atau mengedarkan, atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam menyedia, mencetak, membahagi-bahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen atau lain-lain bahan yang, pada pendapat PERBADANAN adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan atau penyedia latihan;
 - (d) membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan apa-apa kumpulan orang yang di mana-mana tempat yang pada pendapat PERBADANAN adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan atau penyedia latihan.
5. (1) Jika PELATIH melakukan pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Perjanjian ini, PERBADANAN boleh, menurut budi bicara mutlaknya, menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu, tanpa menyentuh hak-hak PERBADANAN di bawah Perjanjian ini, PELATIH tidak lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa faedah Perjanjian ini.
 - (2) Penamatkan Perjanjian ini menurut perenggan (1) Fasal ini adalah muktamad.
6. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PELATIH-
 - (a) meninggalkan kursus latihannya sebelum sempurnanya kursus itu atau menukarkan kursus pengajiannya, dalam kedua-dua hal tanpa persetujuan PERBADANAN; atau
 - (b) dibuang dari, penyedia latihan, atau
 - (c) telah melakukan pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian ini ditamatkan oleh PERBADANAN di bawah Fasal 5 Perjanjian ini;maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, PELATIH, kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah iaitu kematian atau keilatan kekal atau sebab-sebab lain yang diluluskan oleh Pebadanan), hendaklah bertanggungjawab bagi pihak diri mereka membayar kepada PERBADANAN sebagai penalti, sejumlah wang tidak melebihi lima ribu ringgit (RM5,000.00).

7. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa walau apa pun yang berlawanan yang terkandung di atas, PERBADANAN boleh dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada PELATIH menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, tanpa memberi apa-apa sebab dan dengan itu segala faedah bagi dan tanggungan PELATIH di bawah Perjanjian ini adalah terhenti.

8. Adalah dengan ini diakui dan dipersetujui bahawa Surat Tawaran Pembiayaan bertarikh _____ hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam PERJANJIAN ini telah menurunkan di sini tandatangan dan meterai mereka pada hari bulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani

(Pelatih)

Oleh **BRANDON DYLN ANAK MALINA** PELATIH tersebut di hadapan:

Nama Saksi _____ No.K.P._____
(Hurufbesar)

Alamat Saksi _____ Pekerjaan Saksi _____

Tandatangan saksi dan cap rasmi

KHAS UNTUK PERBADANAN

Ditandatangani Oleh

(Pegawai yang diberi kuasa)

(Nama Pegawai yang diberi kuasa -Huruf Besar)

Pihak **PERBADANAN** di hadapan:

Nama Saksi _____
(Hurufbesar)

Nombor Kad Pengenalan._____

Tandatangan saksi dan cap rasmi



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 5

**Surat Kebenaran/ Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank
Penyedia Latihan**

**SURAT KEBENARAN
BAYARAN YURAN LATIHAN TERUS
KE AKAUN BANK PENYEDIA LATIHAN**

Nama Penerima Bayaran:

No. K.P.:

No. Akaun:

Alamat Tetap:

.....
.....
.....

Kepada:

Ketua Eksekutif,
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran,
Kementerian Sumber Manusia,
Aras 11, 12C, 15, 16, 17, 18, 19 dan 27,
Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL),
No. 45 Jalan Tun Ismail,
50530 Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN/ KEIZINAN PEMBAYARAN YURAN LATIHAN TERUS KE AKAUN BANK PENYEDIA LATIHAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya seperti nama di atas bersetuju memberi kebenaran/ keizinan kepada tuan supaya pembayaran Yuran Latihan dibayar terus ke akaun bank Penyedia Latihan (PL) seperti di butiran berikut:

Nama PL:

No. Akaun Bank:

Nama Bank:

3. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pembiayaan Latihan Kemahiran (PLK) yang diluluskan oleh PTPK. Surat Tawaran PLK dengan rujukan:

..... bertarikh: adalah berkaitan.

4. Surat ini sah sehingga pembayaran PLK seperti mana di Jadual Pembayaran selesai dibuat bayaran.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Dipersetujui oleh:

.....
Tandatangan Penerima Bayaran
Tarikh:

.....
Tandatangan dan Cap Rasmi Pengurus PL
Tarikh:



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 6

Borang Tuntutan yuran susulan 10 Peratus (%)

Senarai Semak Tuntutan Yuran Susulan 10 Peratus (%) Selepas Pelatih Tamat Latihan**Skim Perkasa TVET 2021**

Bil.	Senarai Dokumen	Telah Disertakan (✓)
1.	Surat Iringan Permohonan Tuntutan Yuran Susulan 10% (menggunakan Kepala Surat (<i>Letterhead</i>) disahkan dan dicap rasmi oleh PL);	
2.	Borang Tuntutan Yuran Susulan 10% (PTPK/PERKASATVET/2021/06);	
3.	Laporan keberkesanan Kursus Selepas Tamat Latihan (PTPK/PERKASATVET/2021/07);	
4.	Ringkasan Laporan Pemantauan keberkesanan Kursus Pelatih (PTPK/PERKASATVET/2021/08);	
5.	Salinan Sijil Tamat Latihan Pelatih atau JPK/T1003	
6.	Salinan Surat Penempatan Pekerjaan Pelatih; atau	
7.	Salinan Surat Tawaran sambung pengajian; atau	
8.	Salinan pendaftaran sebagai peniaga di mana-mana platform perniagaan dalam talian (<i>online business</i>); atau mengemukakan satu (1) salinan pendaftaran lesen perniagaan atau salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – bagi membuktikan bahawa pelatih bekerja sendiri.**	

*Nota**** Dokumen yang dilampirkan hendaklah boleh menunjukkan bahawa perniagaan dijalankan oleh pelatih.**- Sila pastikan dokumen yang dikemukakan mengikut susun atur dan lengkap sebelum dihantar kepada PTPK*



**BORANG TUNTUTAN BAYARAN YURAN SUSULAN 10 PERATUS (%)
PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET**



- ## 1. Maklumat Penyedia Latihan

Nama Penyedia Latihan : _____

Kod Pusat Latihan : _____

No Akaun Bank : _____

Nama Bank :

- ## 2. Program

.....

- ### 3 Kod Program

For more information about the study, please contact Dr. John Smith at (555) 123-4567 or email him at john.smith@researchinstitute.org.

- #### 4 Tempoh Latihan

sehingga

*Bagi Bayaran Baki Yuran (10 peratus) sila pastikan tuntutan yuran di buat selepas 3 bulan pelatih menamatkan latihan dan mendapat penempatan pekerjaan.

5. Perakuan Penyedia Latihan

Saya dengan ini mengemukakan tuntutan bayaran yuran latihan berjumlah RM~~xx~~.~~xx~~ (Ringgit Malaysia:
) untuk ~~xx~~ orang pelatih yang mengikuti kursus _____.

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan tuntutan adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Penyataan butiran yang palsu dengan niat memperdaya atau mengelirukan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dalam membuat tuntutan adalah melakukan satu kesalahan rasuah di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan denda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai matan yang palsu atau silap itu jika nilai matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(Tandatangan Pengurus Penyedia Latihan)

Nama Pengurus :

Cap Rasmi Penyedia Latihan :



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 7

Laporan Keberkesanan Kursus Pelatih Selepas Tamat Latihan



LAPORAN KEBERKESANAN KURSUS PELATIH SELEPAS TAMAT LATIHAN BAGI PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN PEMBIAYAAN PERKASA TVET 2021



1. Maklumat Penyedia Latihan

Nama Penyedia Latihan : _____
Kod Penyedia Latihan : _____
Kursus / Program : _____
Kod Kursus / Program : _____

2. Kelulusan

Tempoh Latihan : _____
Tarikh Latihan : _____ hingga _____
Bilangan Pelatih : _____
Jumlah : RM _____

3. Pelaksanaan

Tarikh Mula Latihan : _____
Tarikh Tamat Latihan : _____
Bilangan Pelatih Dilatih : _____



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 8

Ringkasan Laporan Pemantauan Keberkesanan Kursus Pelatih

PTPK/PERKASA TVET/2021/08



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**RINGKASAN LAPORAN PEMANTAUAN KEBERKESANAN KURSUS
PELATIH SELEPAS TAMAT LATIHAN BAGI PROGRAM LATIHAN
KEMAHIRAN PEMBIAYAAN PERKASA TVET 2021**



TABUNG
PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN

1. Maklumat Penyedia Latihan

Nama Penyedia Latihan : _____
Kod Penyedia Latihan : _____
Kursus / Program : _____
Kod Kursus / Program : _____

2. Kelulusan

Tempoh Latihan : _____
Tarikh Latihan : _____ hingga _____
Bilangan Pelatih : _____
Jumlah (RM) : _____

3. Pelaksanaan

Tarikh Mula Latihan : _____
Tarikh Tamat Latihan : _____
Bilangan Pelatih Dilatih : _____

4. Tempoh Pemantauan Dilaksanakan

Bulan Pertama : _____
Bulan Kedua : _____
Bulan Ketiga : _____

(*Mohon untuk isikan tarikh pemantauan dibuat)

5. Keberkesanan Program

Bilangan Pelatih Bekerja Dalam Bidang : _____
Bilangan Pelatih Bekerja Luar Bidang : _____
Bilangan Pelatih Memulakan Perniagaan : _____
Bilangan Pelatih Sambung Pengajian : _____
Bilangan Pelatih Tiada Kemajuan : _____

Disediakan dan Disahkan Oleh:

Nama Pengurus Penyedia Latihan:
Cap dan Alamat Penyedia Latihan:



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 9

Borang Pembatalan / Batal Baki



PTPK/BPPLP/BATAL-001

BORANG PEMBATALAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN

(Sila tandakan X di petak yang berkenaan)

BAHAGIAN A	JENIS PERMOHONAN PEMBATALAN PINJAMAN
------------	--------------------------------------

Batal Permohonan Pinjaman

Batal Baki Pinjaman

BAHAGIAN B	SEBAB PEMBATALAN PINJAMAN
------------	---------------------------

Pelatih Memohon Berhenti Menjalani Latihan Kemahiran

Pembentangan Sendiri/ Menerima Biasiswa/Pinjaman/Pembentangan Dari Penaja Lain

Meninggalkan Program Latihan Sebelum Program Tamat

Pelatih Menghadapi Masalah Kesihatan/ Pelatih Meninggal Dunia

Bertukar Kursus/Program Latihan Kemahiran

Terlibat Dengan Masalah Disiplin/ Aktiviti Jenayah

Bertukar Tempat Latihan Di Penyedia Latihan Lain

Lain-Lain (Sila Nyatakan)

Digantung/Dibuang Dari Penyedia Latihan

.....

BAHAGIAN C	MAKLUMAT PELATIH, PENYEDIA LATIHAN & PROGRAM LATIHAN
Nama Pelatih	
No. Kad Pengenalan	
Alamat Tetap	
No Telefon	
No. Rujukan Surat Tawaran	
Nama Penyedia Latihan	
Kod Penyedia Latihan	
Alamat Penyedia Latihan	
Nama Program	
Kod Program	
Jumlah Tawaran Pinjaman	
Tempoh Latihan	
Tarikh Pelatih Berhenti	

Bahwasanya saya mengaku bahawa semua keterangan dan maklumat di atas adalah benar.

.....
Tandatangan Pelatih

Nama :

No. Kad Pengenalan Pelatih :

Tarikh :

BAHAGIAN D	PENGESAHAN PENYEDIA LATIHAN
------------	-----------------------------

Dengan ini disahkan bahawa semua butiran di Bahagian A, B dan C adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan, pihak Penyedia Latihan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 73 dan Seksyen 74 di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

.....
Tandatangan Pengurus Penyedia Latihan ("PPB")

Nama :

No. Kad Pengenalan Pelatih :

Tarikh :

Cap Rasmi:

